

## **ANALISIS KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN INTEGRITI PENYERTAAN POLITIK**

**Fazurah Mustaffa**  
Universiti Melaka (UNIMEL)

**Mohd Sufiean Hassan**  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

**Maizatul Haizan Mahbob**  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

**Siti Nurshahidah Sah Allam**  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

**Fatimah Yazmin Yahya**  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

**Muhammad Khalil Tarmizi Abdul Sukor**  
Universiti Melaka (UNIMEL)

*Corresponding Author's Email: fazurah@unimel.edu.my*

### **Article history:**

*Received : 26 October 2022*

*Accepted : 28 December 2022*

*Published: 31 December 2022*

### **ABSTRAK**

Golongan muda merupakan aset negara dan modal insan yang penting dalam memacu agenda nasional. Penyertaan politik golongan muda dilihat dapat membentuk sfera politik sihat melalui pemupukan nilai integriti. Nilai integriti golongan muda terutama ketika menyertai politik sejak akhir-akhir ini semakin membimbangkan dan senario ini sering dikaitkan dengan penggunaan media sosial. Satu ajian terhadap penyertaan politik golongan muda di media sosial menunjukkan media baharu ini memberi impak kepada kecenderungan politik. Senario ini mendedahkan bahawa penyertaan politik golongan muda di media sosial tanpa mengikut garis panduan memberi kesan kepada tahap nilai integriti. Tindakan tidak berintegriti golongan muda seperti berkongsi maklumat yang tidak tepat, memberi komen negatif, menimbulkan keadaan huru hara untuk mendapatkan populariti atau viral akhirnya membawa kepada perlakuan jenayah siber. Oleh itu, kajian ini berpendapat bahawa bagi

mengukuhkan nilai integriti penyertaan politik golongan muda di media sosial, sebuah pendekatan khusus telah dibuat melihat kepada item pengukuran bagi Integriti Penyertaan Politik Golongan Muda yang dijangka dapat menghasilkan idea pelaksanaan pengukuhan integriti penyertaan politik golongan muda media sosial. Seterusnya, kajian deskriptif telah dilaksanakan dengan melibatkan dari kalangan mahasiswa/mahasiswi mewakili 6 buah universiti awam yang menunjukkan bahawa boleh ubah bersandar iaitu bagi item Integriti Penyertaan Politik Golongan Muda menunjukkan petunjuk yang signifikan iaitu sebanyak 0.935. Analisis data kebolehpercayaan juga sangat signifikan untuk dikaji dan setiap daripada pembolehubah mencatatkan nilai yang tinggi.

**Kata Kunci:** Integriti Penyertaan Politik, Golongan Muda, Media Sosia, Kesahan, Kebolehpercayaan

## **PENGENALAN**

Malaysia merupakan negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen sejak dari awal Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 sehingga kini. Sistem demokrasi berparlimen juga adalah salah satu proses kepada pembentukan kabinet kerajaan melalui pilihanraya umum yang diadakan pada setiap 5 tahun sekali dengan mendapat sokongan majoriti 2/3 kerusi di parliment serta dengan mendapat perkenan daripada Yang Dipertuan Agong Malaysia. Pada peringkat ini, penglibatan dan undian rakyat sangat penting dalam menentukan hak untuk memilih calon politik yang layak mewakili suara dan harapan mereka bagi meneruskan pembentukan agenda pentadbiran dan kemakmuran negara. Menerusi sejarah pilihanraya umum yang lepas, Malaysia telah berjaya melaksanakan 14 kali pilihanraya umum di bawah kemenangan Parti Barisan Nasional (BN) namun pada tanggal 9 Mei 2018 bermulalah era pentadbiran baharu di bawah Parti Pakatan Harapan (PH). Detik bersejarah ini telah memperlihatkan Parti Barisan Nasional (BN) yang berkuasa selama 63 tahun itu akhirnya ditewaskan buat pertama kalinya pada pilihanraya umum ke-14 lepas (Ahmad Lutfi, 2019). Krishnamoorthy (2018), menegaskan bahawa gelombang perubahan rakyat pada tanggal 9 Mei 2018 merupakan titik permulaan kebebasan rakyat daripada pemerintahan ‘Kleptokrasi’ di bawah pentadbiran Parti Barisan Nasional (BN) dan bencana ‘Tsunami Rakyat’ ini dianggap sebagai ibu segala pilihanraya (Imlan, 2018).

## PENYATAAN MASALAH

Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan penglibatan politik golongan muda itu amat penting dan merupakan aset utama kepada negara. Sejarah memperlihatkan penyertaan politik golongan muda pada awal PRU-12 ketika itu begitu pasif dan gambaran menunjukkan golongan muda tidak begitu berminat untuk mencari maklumat politik, menyertai aktiviti atau melibatkan diri dalam program politik. Namun, senario ini telah berubah apabila keputusan PRU-12 Parti Barisan Nasional (BN) yang utuh sebagai majoriti dalam Parlimen, akhirnya hilang 82 kerusi daripada 222 kerusi yang dipertandingkan. Manakala, di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN), BN hanya memenangi 307 kerusi daripada 505 kerusi yang ditandinginya. Bencana “tsunami politik” ini tidak hanya berakhir satakat itu (Norhayati, 2008), gelombang ini telah membawa perubahan besar kepada *hegemoni* pentadbiran Parti Barisan Nasional (BN) yang memperlihatkan kerajaan BN hilang majoriti kerusi di parliment dan sekaligus mengubah landskap politik kerajaan pada PRU-13 (Pandian, 2014).

Perubahan besar yang berlaku ini telah memperluaskan jajahan Parti Keadilan Rakyat (PKR) ke negeri Perak, Selangor, Pulau Pinang dan Kedah yang dahulunya adalah di bawah kepimpinan BN. Tsunami politik yang melanda Malaysia ini mendapat perhatian khusus daripada ahli akademik, agen parti politik, penggubal dasar dan kerajaan persekutuan mengenai gelombang baharu penyertaan politik golongan muda ketika PRU-13 lepas (Aminaton Hajariah & Samsu Adabi, 2016), faktor utama peningkatan gelombang golongan muda ini adalah disebabkan oleh peranan media sosial yang kian berkembang hingga mempengaruhi corak pengundian.

Peningkatan maklumat parti politik di media sosial ini telah memberi impak besar terhadap kesedaran golongan muda untuk berpolitik (Tang & Lee, 2013). Kewujudan rangkaian media sosial ini memberi warna baharu kepada corak pengundian yang lebih aktif kepada golongan muda dalam politik berbanding penyertaan politik tradisional yang hanya menggunakan platform seperti televisyen, radio dan suratkhabar untuk menyampaikan maklumat (Dauda et al., 2016).

Walaupun peningkatan maklumat parti politik media sosial ini telah memberi impak besar kepada politik negara namun dari perspektif integriti penggunaan media sosial tersebut tidak begitu ditekankan oleh pengguna seperti mahir media; sumber sahih; penciptaan moral dan tindakan etika dalam media sosial (Yang & DeHart, 2016; Schlenker 2008). Kesan penggunaan media sosial yang tidak berintegriti ini juga boleh membawa kepada perubahan tingkah laku golongan muda dan kepercayaan politik mereka akibat daripada penyebaran maklumat palsu di ruangan media sosial sehingga menyukarkan pencarian kualiti dapatan informasi yang sah (Flynn et al., 2017). Noor Mohammad (2018) menegaskan bahawa ketidaksahtihan informasi atau berita palsu yang tidak mempunyai nilai integriti ini lebih cepat tersebar luas jika dibandingkan dengan berita yang sah.

Menurut Datuk Jailani Johari, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia dalam ucapan balas beliau mengenai langkah kementerian bagi menangani masalah penggunaan media sosial yang kian melampau terutama penyebaran berita tidak sah terhadap kerajaan, individu dan ahli politik di negara ini (Bernama 2015). Pihak kementerian telah memberi fokus terhadap empat isu utama iaitu buli siber, penyebaran maklumat palsu, penipuan kewangan internet dan terlebih berkongsi maklumat (Anon 2016).

Selain penyalahgunaan dan penyebaran maklumat palsu di ruangan media sosial telah menyebabkan golongan muda kini dilihat begitu berani mengeluarkan kata-kata kesat, memaki hamun dan memburukkan sistem pentadbiran negara. Akibatnya, kesan negatif ini sekaligus telah menjelaskan integriti individu, keselamatan rakyat dan keselamatan negara (Hamdan, 2015). Lantaran itu, penyertaan politik golongan muda melalui media sosial ini tidak seharusnya dipandang remeh oleh masyarakat dan kerajaan.

Ibrahim (2021) menyatakan bahawa isu penyebaran berita palsu yang kian meluas ini berlaku akibat daripada kurangnya integriti masyarakat dalam mengakses maklumat di media sosial sehingga akhirnya boleh membawa kebimbangan kepada masyarakat dan negara. Perubahantingkah laku seperti ini tidak mustahil boleh membawa kepada penglibatan yang lebih ekstrem seperti menyertai kumpulan militan seperti Islamic State (IS) dan sebagainya. Penglibatan semua pihak amat penting dalam memastikan kestabilan negara dan mengelakkan dari ancaman sesuai dengan apa yang dikatakan oleh setiausaha negara Amerika Syarikat John Kerry *“to detect terrorism, we have to act globally and locally, and we have to understand that each have a responsibility to do everything that we can”* (Bureau of Counterterrorism and Countering Violent Extremism 2016).

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Menguji tahap kesahan dan kebolehpercayaan bagi instrumen item pengukuran Integriti Penyertaan Politik iaitu mahir media; sumber sahih; penciptaan moral dan tindakan etika dalam media sosial.

## **REKA BENTUK KAJIAN**

Rekabentuk kajian ini adalah berbentuk kuantitatif untuk menguji kebolehpercayaan instrumen soal selidik bagi item pengukuran Integriti Penyertaan Politik. Pendekatan kuantitatif digunakan adalah kaedah deskriptif yang mengukur skor min, sisihan piawai, peratus dan frekuensi bagi setiap item soalan termasuklah kebolehpercayaan Alfa Cronbach yang mana jika nilai bagi setiap item yang melepassi sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi maka ianya menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi (Hair et al, 2018). Selain itu, kajian tinjauan digunakan untuk memeriksa kefungsian item, kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian melalui data item yang diperoleh (Syed Muhd Kamal et al., 2014).

## **PERSAMPELAN KAJIAN**

Persampelan kajian telah dibentuk iaitu seramai 60 orang responden bagi sampel kajian daripada jumlah sampel sebenar yang dipilih secara rawak bertujuan. Persampelan secara rawak bertujuan ini dipilih bagi menjawab instrumen yang dibina juga dapat menentukan responden yang sesuai dan khusus dengan objektif kajian. Namun, hasil dapatan kajian yang menggunakan persampelan ini tidak mewakili populasi tertentu, tetapi dapat memberikan gambaran permulaan tentang bidang yang dikaji (Syed Arabi Idid, 1998; Norizah et al., 2014).

Manakala, untuk menguji tahap ketekalan kebolehpercayaan instrumen sebelum didedarkan kepada sampel sebenar, instrumen tersebut terlebih dahulu dihantar kepada 60 orang responden iaitu bersamaan 10 responden mewakili mahasiswa/mahasiswi bagi setiap 6 buah universiti awam iaitu UiTM Melaka, UTEM, USIM, UTHM, UiTM Kuala Pilah dan UTM yang terdiri daripada Majlis Perwakilan Pelajar dan pelajar IPTA tersebut.

## **PROSEDUR KAJIAN**

Prosedur kajian bagi item pengukuhan soal selidik telah diedarkan kepada 6 buah IPTA dengan jangkaan waktu selama 2 bulan bagi menguji tahap ketekalan dan kebolehpercayaan item pengukuhansoal selidik tersebut. Seterusnya, hasil dapatan kajian ini dianalisis untuk mendapatkan kesahan instrumen bagi menguji soal selidik tersebut dengan nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan sesuai digunakan dalam kajian sebenar. Bagi menjawab objektif kajian, kaedah tinjauan digunakan bagi mendapatkan data kajian iaitu edaran borang soal selidik secara bersemuka dan edaran soal selidik atas talian menggunakan *Google Form*. Bagi mengukur kepercayaan responden satu set soal selidik telah dibina dan telah disemak oleh pakar sebelum diedarkan kepada responden.

## **INSTRUMEN KAJIAN**

Borang soal selidik telah diedarkan kepada 60 orang responden. Persampelan rawak bertujuan digunakan dalam kajian ini dengan sampel seramai 60 responden iaitu bersamaan 10 responden mewakili mahasiswa/mahasiswi bagi setiap 6 buah universiti awam dari Zon Selatan, Malaysia. Data yang diperolehi telah di analisis dengan menggunakan *Statistical Package of Social Science* (SPSS) versi 23.

**Jadual 1 : Dimensi Integriti Penyertaan Politik dan Cronbach Alpha**

DIMENSI INTEGRITI PENYERTAAN POLITIK	INSTRUMEN KAJIAN	DEFINISI OPERASI	CRONBACH ALPHA
Mahir Media	Skala penggunaan media sosial dan penyertaan politik dalam talian yang dibangunkan oleh (Yang & DeHart, 2016) dan skala integriti (Integrity Scale) oleh Schlenker (2008)	<b>Mahir Media:</b> merujuk kepada kemahiran pengguna mencari maklumat di media sosial dengan melihat kepada kebenaran dan kejujuran kandungan media yang diperolehi.	0.94
Sumber Sahih	Skala penggunaan media sosial dan penyertaan politik dalam talian yang dibangunkan oleh (Yang & DeHart, 2016) dan skala integriti (Integrity Scale) oleh Schlenker (2008)	<b>Sumber Sahih:</b> merujuk kepada kecekapan mencari maklumat politik sah yang mempunyai autoriti dari media sosial.	0.90
Penciptaan Moral	Skala penggunaan media sosial dan penyertaan politik dalam talian yang dibangunkan oleh (Yang & DeHart, 2016) dan skala Penciptaan moral merujuk kepada kemahiran individu untuk menyebarkan maklumat/ berita/ rencana politik yang diperoleh di portal berita arus perdana dan yang tidak mempunyai unsur integriti (Integrity Scale) oleh Schlenker (2008)	<b>Penciptaan Moral:</b> merujuk kepada kemahiran individu untuk menyebarkan maklumat/ berita/ rencana politik yang diperoleh di portal berita arus perdana dan yang tidak mempunyai unsur fitnah/ maklumat palsu/ menimbulkan ketegangan di media sosial.	0.89
Tindakan Etika	Skala penggunaan media sosial dan penyertaan politik dalam talian yang dibangunkan oleh (Yang & DeHart, 2016) dan skala integriti (Integrity Scale) oleh Schlenker (2008)	<b>Tindakan Etika:</b> merujuk kepada kemahiran penyertaan politik individu di media sosial dengan tidak melakukan tindakan yang menyalahi etika dan undang-undang seperti memuat naik/ memuat turun video/ foto lucu, menghasut masyarakat di media sosial bagi mewujudkan kekecohan/ kebencian adalah perbuatan keji, Mencuri atau berkongsi data/ maklumat di media sosial, mengugut di media sosial bertujuan mendatangkan kecederaan/ ancaman keselamatan, memaki hamun/ mencerca/ mengeluarkan kata-kata kesat dan melakukan provokasi isu yang berunsur perkauman/ sensitiviti agama.	0.95

Dalam memenuhi objektif kajian, instrumen kajian Skala Penggunaan Media Sosial Dan Penyertaan Politik Dalam Talian oleh Yang & DeHart (2016) dan skala integriti (Integrity Scale) oleh Schlenker (2008) kemudian diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu. Skala untuk mengukur kebolehpercayaan integriti penyertaan politik mendapati kebolehpercayaan (cronbach alpha) bagi empat dimensi integriti penyertaan politik iaitu - konstruk mahir media, sumber sahih, penciptaan moral dan tindakan etika adalah antara 0.90 - 0.95. Penggunaan skala ini yang telah terbukti bagus sebenarnya membantu dari segi kebolehpercayaan skala tersebut dalam mendapatkan maklumat melalui orang ramai (Babbie, 2013). Skala ini mengandungi 29 item dan diukur menggunakan skala likert tujuh iaitu daripada 1=sangat tidak setuju hingga 7=sangat setuju. Intrumen kajian ini telah digabungkan ke dalam satu borang soal selidik menerusi borang soal selidik yang diedarkan

secara bersemuka dan atas talian menggunakan *google form* yang mengandungi 4 bahagian iaitu demografi, integriti penyertaan politik, literasi media dan kepercayaan politik.

## **DAPATAN KAJIAN DESKRIPTIF**

Kajian ini juga telah menguji tahap kesahan bagi setiap item pengukuran soal selidik Integriti Penyertaan Politik melalui kaedah deskriptif dengan melihat kepada nilai N, Min dan Sisihan Piawaian. Seterusnya, nilai indeks kebolehpercayaan Alfa Cronbach juga diuji bagi melihat item pengukuran bagi setiap soalan yang memiliki nilai signifikan yang tinggi seperti Jadual 2 di bawah:

**Jadual 2 : Kaedah deskriptif bagi item N, skor min dan sisihan piawai.**

<b>Item Pengukuran</b> <b>Integriti Penyertaan Politik</b>	<b>N</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawaian</b>
<b>Mahir Media</b>			
1) Saya mahir mencari maklumat politik sahih dari media sosial	60	4.40	1.815
2) Saya cekap menggunakan media sosial untuk mencari maklumat politik terkini.	60	4.52	1.682
3) Saya mampu menggunakan media sosial yang sahih untuk mengetahui keputusan Pilihan Raya Umum (PRU)	60	5.03	1.677
4) Saya mampu menggunakan media sosial yang sahih untuk mengetahui senarai Menteri Kabinet di Malaysia.	60	5.13	1.443
5) Saya mampu menggunakan media sosial yang sahih mendapatkan maklumat mengenai 1Malaysia Development Berhad (IMDB).	60	4.47	1.845
6) Saya mampu menggunakan media sosial yang sahih mengetahui maklumat Goods and Services Tax (GST).	60	4.55	1.780
7) Saya mampu menggunakan media sosial yang sahih untuk mengetahui mengenai Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH).	60	4.43	1.854
8) Saya mampu menggunakan media sosial yang sahih untuk mendapatkan maklumat mengenai skandal isu pemimpin politik	60	4.50	1.732
<b>Sumber Sahih</b>			
9) Saya menggunakan media sosial untuk mencari maklumat politik sahih.	60	4.58	1.807
10) Saya yakin akan maklumat/ berita/ rencana politik yang terdapat di portal berita arus perdana (Berita Harian, Utusan, NST, The Star, Tamil Nesan Online).	60	4.92	1.660
11) Saya yakin akan maklumat / berita / rencana politik yang terdapat di portal berita alternatif (Harakah Online, Keadilan Daily.com, Malaysiakini).	60	4.47	1.641

12) Saya yakin akan maklumat/ berita/ rencana politik yang terdapat di portal berita yang telah disahkan kesahihannya oleh (pihak berwajib, pihak polis, kementerian, ahli akademik dll.	60	4.98	1.420
13) Sumber maklumat politik di media sosial lebih pantas berbanding media cetak dan media elektronik.	60	5.30	1.476
14) Sumber maklumat politik secara atas talian (online) menggalakkan perbincangan secara telus antara pemimpin politik dengan masyarakat melalui aplikasi dalam media sosial (chatroom).	60	4.55	1.466
15) Melalui media sosial saya dapat mengenal pasti individu penulis kandungan maklumat politik dengan cepat dan telus.	60	4.57	1.466
<b>Penciptaan Moral</b>			
16) Saya menyebarkan maklumat/ berita/ rencana politik yang diperoleh di portal berita arus perdana (Berita Harian, Utusan, NST, The Star, Tamil Nesan Online)	60	3.62	1.658
17) Saya menyebarkan maklumat/ berita/ rencana politik yang diperoleh di portal berita alternatif (Harakah Online, Keadilan Daily.com, Malaysiakini).	60	3.45	1.731
18) Menyebarluaskan maklumat/ berita/ rencana politik fitnah/ berita palsu di media sosial bertujuan untuk menjatuhkan imej/reputasi seseorang adalah perbuatan tidak bermoral.	60	5.00	2.083
19) Saya memastikan maklumat politik yang disebarluaskan di media sosial memberikan manfaat kepada masyarakat.	60	5.20	1.400
20) Saya mengabaikan media sosial yang mengandungi maklumat politik tidak sah dan palsu	60	5.30	1.650
21) Saya hanya menerima rakan di media sosial yang memuat naik maklumat politik yang bermoral, beretika dan berintegriti.	60	4.60	1.554
<b>Tindakan Etika</b>			
22) Saya mengabaikan perbincangan politik yang menimbulkan kebencian terhadap pemimpin politik.	60	4.83	1.617
23) Memuat naik/ memuat turun video foto lucu adalah perbuatan jenayah di media sosial.	60	5.92	1.825
24) Menghasut masyarakat di media sosial bagi mewujudkan kekecohan/kebencian adalah perbuatan keji.	60	5.70	1.925
25) Mencuri atau berkongsi data maklumat di media sosial yang dilabelkan RAHSIA adalah menyalahi undang- undang.	60	5.77	1.779
26) Mengugut di media sosial bertujuan mendatangkan kecederaan ancaman keselamatan adalah perbuatan jenayah.	60	5.75	1.847

27) Memaki hamun/ mencerca/ mengeluarkan kata-kata kesat di media sosial adalah perbuatan tidak bermoral.	60	5.92	1.740
28) Provokasi isu yang berunsur perkauman/sensitiviti agama bertujuan untuk mewujudkan perselisihan faham di media sosial perlu dikekang.	60	6.00	1.677
29) Mempermainkan isu keselamatan rakyat dan negara di media sosial menggalakkan demonstrasi jalanan.	60	5.33	1.763

Jadual 2 di atas menunjukkan, kaedah deskriptif bagi nilai item N, skor min dan sisihan piawai bagi setiap item pengukuhan Integriti Penyertaan Politik. Pada keseluruhannya, didapati tahap persetujuan responden kajian terhadap setiap item dalam konstruk ini adalah tinggi. Hasil perincian analisis data seperti pernyataan pada item ke-1 dalam konstruk mahir media, iaitu “*Saya mahir mencarimaklumat politik saih dari media sosial*”. Hal ini dapat dilihat melalui skor min ialah 4.40 dan sisihanpiawai ialah 1.815 pada tahap yang tinggi. Bagi item ke-2 dalam konstruk mahir media, iaitu “*Saya cekap menggunakan media sosial untuk mencari maklumat politik terkini*” memperoleh skor min 4.52 dan sisihan piawai ialah 1.682 pada tahap yang tinggi.

Seterusnya pada item ke-9 dalam konstruk sumber saih pula iaitu “*Saya menggunakan media sosial untuk mencari maklumat politik saih*” telah memperoleh skor min 4.58 dan sisihan piawai ialah 1.807 pada tahap yang tinggi. Pada item ke-10 dalam konstruk sumber saih iaitu “*Saya yakin akan maklumat / berita / rencana politik yang terdapat di portal berita arus perdana (Berita Harian, Utusan, NST, The Star, Tamil Nesan Online)*” memperoleh skor min 4.92 dan sisihan piawai ialah 1.660 pada tahap yang tinggi. Pada masa yang sama, pada item ke-19 dalam konstruk penciptaan moral memperlihatkan item “*Saya memastikan maklumat politik yang disebarluaskan di media sosial memberikan manfaat kepada masyarakat*” telah memperoleh skor min 5.20 dan sisihan piawai ialah 1.400 pada tahap yang tinggi.

Bagi item ke-20 dalam konstruk penciptaan moral, iaitu “*Saya mengabaikan media sosial yang mengandungi maklumat politik tidak saih dan palsu*” memperoleh skor min 5.30 dan sisihan piawai ialah 1.650 pada tahap yang tinggi. Manakala pada Item ke-22 dalam konstruk tindakan etika, iaitu “*Saya mengabaikan perbincangan politik yang menimbulkan kebencian terhadap pemimpin politik*” memperoleh skor min 4.83 dan ialah sisihan piawai 1.617 pada tahap yang tinggi.. Bagi item ke-25 dalam konstruk tindakan etika, iaitu “*25) Mencuri atau berkongsi data maklumat di media sosial yang dilabelkan RAHSIA adalah menyalahi undang- undang*” memperoleh skor min 5.77 dan ialah sisihanpiawai 1.779 pada tahap yang tinggi.

Rumusan yang dapat dibuat tentang item pengukuhan Integriti Penyertaan Politik menunjukkan berlaku tahap persetujuan yang tinggi dan interpretasi yang sangat memuaskan dalam kalangan responden kajian. Selain itu, kecenderungan responden kajian juga dalam memahami konsepintegriti terutama dalam penggunaan media sosial memiliki tahap pengetahuan yang tinggi terutama dari kalangan golongan muda di Malaysia.

## **DATA ANALISIS KESAHAN**

Dapatan kajian ini, turut menguji indeks kesahan dengan nilai Pekali Kolerasi Pearson manakala nilai indeks kebolehpercayaan Alfa Cronbach diuji setelah nilai bacaan kolerasi menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang tinggi seperti Jadual 3 di bawah:-

**Jadual 3:** Indeks Kesahan Pekali Kolerasi Pearson Bagi Setiap Item Integriti Penyertaan

<b>Item-Item Pengukuran</b>	<b>Nilai Pekali Korelasi Pearson</b>
<b>Mahir Media</b>	
1) Saya mahir mencari maklumat politik sahih dari media sosial	0.815
2) Saya cekap menggunakan media sosial untuk mencari maklumat politik terkini.	0.812
3) Saya mampu menggunakan media sosial yang sahih untuk mengetahui keputusan Pilihan Raya Umum (PRU)	0.748
4) Saya mampu menggunakan media sosial yang sahih untuk mengetahui senarai Menteri Kabinet di Malaysia.	0.758
5) Saya mampu menggunakan media sosial yang sahih mendapatkan maklumat mengenai 1Malaysia Development Berhad (IMDB)	0.771
6) Saya mampu menggunakan media sosial yang sahih mengetahui maklumat Goods and Services Tax (GST).	0.766
7) Saya mampu menggunakan media sosial yang sahih untuk mengetahui mengenai Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH).	0.750
8) Saya mampu menggunakan media sosial yang sahih untuk mendapatkan maklumat mengenai skandal isu pemimpin politik.	0.771
<b>Sumber Sahih</b>	
9) Saya menggunakan media sosial untuk mencari maklumat politik sahih.	0.798
10) Saya yakin akan maklumat/ berita/ rencana politik yang terdapat di portal berita arus perdana (Berita Harian, Utusan, NST, The Star, Tamil Nesan Online).	0.741
11) Saya yakin akan maklumat / berita / rencana politik yang terdapat di portal berita alternatif (Harakah Online, Keadilan Daily.com, Malaysiakini).	0.831
12) Saya yakin akan maklumat/ berita/ rencana politik yang terdapat di portal berita yang telah disahkan kesahihannya oleh (pihak berwajib, pihak polis, kementerian, ahli akademik dll.	0.844
13) Sumber maklumat politik di media sosial lebih pantas berbanding media cetak dan media elektronik.	0.897
14) Sumber maklumat politik secara atas talian (online) menggalakkan perbincangan secara telus antara pemimpin politik dengan masyarakat melalui aplikasi dalam media sosial (chatroom).	0.849
15) Melalui media sosial saya dapat mengenal pasti individu penulis kandungan maklumat politik dengan cepat dan telus	0.837
<b>Penciptaan Moral</b>	
16) Saya menyebarkan maklumat / berita / rencana politik yang diperoleh di portal berita arus perdana (Berita Harian, Utusan, NST, The Star, Tamil Nesan Online)	0.782

17) Saya menyebarkan maklumat / berita / rencana politik yang diperoleh di portal berita alternatif (Harakah Online, KeadilanDaily.com, Malaysiakini).	0.717
18) Menyebarluaskan maklumat / berita / rencana politik fitnah / berita palsu di media sosial bertujuan untuk menjatuhkan imej / reputasi seseorang adalah perbuatan tidak bermoral.	0.818
19) Saya memastikan maklumat politik yang disebarluaskan di media sosial memberikan manfaat kepada masyarakat.	0.822
20) Saya mengabaikan media sosial yang mengandungi maklumat politik tidak sah dan palsu	0.816
21) Saya hanya menerima rakan di media sosial yang memuat naik maklumat politik yang bermoral, beretika dan berintegriti.	0.740

**Tindakan Etika**

22) Saya mengabaikan perbincangan politik yang menimbulkan kebencian terhadap pemimpin politik.	0.828
23) Memuat naik/ memuat turun video foto lucu adalah perbuatan jenayahdi media sosial.	0.891
24) Menghasut masyarakat di media sosial bagi mewujudkan kekecohan / kebencian adalah perbuatan keji.	0.878
25) Mencuri atau berkongsi data maklumat di media sosial yang dilabelkan RAHSIA adalah menyalahi undang-undang.	0.841
26) Mengugut di media sosial bertujuan mendatangkan kecederaan ancaman keselamatan adalah perbuatan jenayah.	0.845
27) Memaki hamun/ mencerca/ mengeluarkan kata-kata kesat di mediasosial adalah perbuatan tidak bermoral.	0.744
28) Provokasi isu yang berunsur perkauman / sensitiviti agama bertujuan untuk mewujudkan perselisihan faham di media sosial perlu dikekang.	0.779
29) Mempermudahkan isu keselamatan rakyat dan negara di media sosial menggalakkan demonstrasi jalanan.	0.810

Jadual 3 di atas menunjukkan, nilai pekali kolerasi Pearson bagi setiap konstruk utama iaitu “Integriti Penyertaan Politik” sebanyak (29 item) mencatatkan instrumen kajian ini adalah pada 0.880. Ia menunjukkan,instrumen kajian ini mempunyai ketekalan yang tinggi untuk mengukur pembolehubah dengan tepat (Mohd Majid, 1999). Dapatkan kajian menunjukkan pekali kesahan kolerasi Pearson dalam kajian ini menunjukkan indeks nilai kebolehpercayaan berada di antara cronbach 0.751 “*stability coefficient*” hingga 0.890 “*very good reliability*” atau “*acceptable standardised test for internal consistenc*” masih berada pada tahap “*degrees of positive correlation*” seperti yang ditunjukkan dalam “*scatterplots*”Mohd Majid (1999). Dapatkan kajian juga menunjukkan peningkatan indeks kebolehpercayaan berada tahap yang tinggi iaitu antara 0.751 hingga 0.890. Nilai ini membawa maksud bahawa, instrumen ini adalah pada tahap yang boleh diterima dengan baik pada tahap kebolehpercayaannya. Sehubungan itu, penyelidik akan meneruskan ke peringkat yang selanjutnya.

## **DATA ANALISIS KEBOLEHPERCAYAAN**

**Jadual 4 :** Indeks Kebolehpercayaan Alfa Cronbach bagi item integriti penyertaan politik

Konstruk	Cronbach's Alpha ( $\alpha$ )	Bilangan Item
Integriti Penyertaan Politik Golongan Muda	0.935	29 Item

Berdasarkan jadual 4 di atas, dapatan data analisis kebolehpercayaan instrumen daripada hasil tinjauan yang telah dibuat 60 orang responden iaitu dari kalangan mahasiswa mewakili 6 universiti awam menunjukkan bahawa item Integriti Penyertaan Politik telah menunjukkan dapatan kajian yang signifikan iaitu sebanyak 0.935 dengan bilangan item sebanyak 29.

**Jadual 5 :** Indeks Kebolehpercayaan Alfa Cronbach bagi setiap item integriti penyertaan politik

Item-Item Pengukuran	Nilai Cronbach's Alpha
<b>Mahir Media</b>	
1) Saya mahir mencari maklumat politik sahih dari media sosial	0.908
2) Saya cekap menggunakan media sosial untuk mencari maklumat politik terkini.	0.909
3) Saya mampu menggunakan media sosial yang sahih untuk mengetahui keputusan Pilihan Raya Umum (PRU)	0.909
4) Saya mampu menggunakan media sosial yang sahih untuk mengetahui senarai Menteri Kabinet di Malaysia.	0.909
5) Saya mampu menggunakan media sosial yang sahih mendapatkan maklumat mengenai 1Malaysia Development Berhad (IMDB)	0.908
6) Saya mampu menggunakan media sosial yang sahih mengetahui maklumat Goods and Services Tax (GST).	0.909
7) Saya mampu menggunakan media sosial yang sahih untuk mengetahui mengenai Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH).	0.909
8) Saya mampu menggunakan media sosial yang sahih untuk mendapatkan maklumat mengenai skandal isu pemimpin politik	0.909
<b>Sumber Sahih</b>	
9) Saya menggunakan media sosial untuk mencari maklumat politik sahih.	0.908
10) Saya yakin akan maklumat / berita / rencana politik yang terdapat di portal berita arus perdana (Berita Harian, Utusan, NST, The Star, Tamil Nesan Online).	0.910
11) Saya yakin akan maklumat / berita / rencana politik yang terdapat di portal berita alternatif (Harakah Online, KeadilanDaily.com, Malaysiakini).	0.911

12) Saya yakin akan maklumat / berita / rencana politik yang terdapat di portal berita yang telah disahkan kesahihannya oleh (pihak berwajib, pihak polis, kementerian, ahli akademik dll.	0.910
13) Sumber maklumat politik di media sosial lebih pantas berbanding media cetak dan media elektronik.	0.912
14) Sumber maklumat politik secara atas talian (online) menggalakkan perbincangan secara telus antara pemimpin politik dengan masyarakat melalui aplikasi dalam media sosial (chatroom).	0.911
15) Melalui media sosial saya dapat mengenal pasti individu penulis kandungan maklumat politik dengan cepat dan telus	0.910

**Penciptaan Moral**

16) Saya menyebarkan maklumat / berita / rencana politik yang diperoleh di portal berita arus perdana (Berita Harian, Utusan, NST, The Star, Tamil Nesan Online)	0.913
17) Saya menyebarkan maklumat / berita / rencana politik yang diperoleh di portal berita alternatif (Harakah Online, KeadilanDaily.com, Malaysiakini).	0.914
18) Menyebarluaskan maklumat / berita / rencana politik fitnah / berita palsu di media sosial bertujuan untuk menjatuhkan imej / reputasi seseorang adalah perbuatan tidak bermoral.	0.916
19) Saya memastikan maklumat politik yang disebarluaskan di media sosial memberikan manfaat kepada masyarakat.	0.910
20) Saya mengabaikan media sosial yang mengandungi maklumat politik tidak sahih dan palsu	0.915

**Tindakan Etika**

22) Saya mengabaikan perbincangan politik yang menimbulkan kebencian terhadap pemimpin politik.	0.913
23) Memuat naik/ memuat turun video foto lucu adalah perbuatan jenayah di media sosial.	0.914
24) Menghasut masyarakat di media sosial bagi mewujudkan kekecohan / kebencian adalah perbuatan keji.	0.914
25) Mencuri atau berkongsi data maklumat di media sosial yang dilabelkan RAHSIA adalah menyalahi undang-undang.	0.914
26) Mengugut di media sosial bertujuan mendatangkan kecederaan ancaman keselamatan adalah perbuatan jenayah.	0.914
27) Memaki hamun/ mencerca/ mengeluarkan kata-kata kesat di mediasosial adalah perbuatan tidak bermoral.	0.915
28) Provokasi isu yang berunsur perkauman/ sensitiviti agama bertujuan untuk mewujudkan perselisihan faham di media sosial perlu dikekang.	0.914
29) Mempermudahkan isu keselamatan rakyat dan negara di media sosial menggalakkan demonstrasi jalanan.	0.914

Jadual 5 di atas menunjukkan, indeks kebolehpercayaan Alfa Cronbach adalah 0.70 dan ke atas ialah pada tahap “satisfied coefficients” dan boleh diterima serta diteruskan dalam kajian (Hair et al. 2018). Sehubungan itu, indeks kebolehpercayaan Alfa Cronbach bagi konstruk pertama iaitu “Mahir Media” yang mempunyai sebanyak (8 item) mencatatkan nilai Alfa Cronbach pada nilai 0.909; seterusnya “Sumber Sahih” mempunyai (7 item) mencatatkan nilai alfa pada 0.910; ketiga “Penciptaan Moral” mempunyai (6 item) mencatatkan nilai alfa pada 0.915; keempat “Tindakan Etika” mempunyai (8 item) mencatatkan nilai alfa pada 0.914. Umumnya, indeks kebolehpercayaan Alfa Cronbach bagi

“Integriti Penyertaan Politik Golongan Muda” adalah melebihi 0.70 ke atas dan boleh diteruskan ke peringkat yang selanjutnya.

## **KESIMPULAN**

Integriti penyertaan politik golongan muda dalam media sosial merupakan elemen terpenting dalam konteks politik semasa kini. Tidak dinafikan masyarakat ketika ini bergantung sepenuhnya kepada literasi media bagi mendapatkan maklumat dan informasi dari seluruh dunia tanpa batasan. Elemen kecekapan literasi media terutama dalam mengakses maklumat mempengaruhi secara langsung masyarakat terutama golongan muda dalam dunia politik. Hasil dapatan kajian, jelas menunjukkan bahawa penglibatan masyarakat terutama golongan muda dalam penyertaan politik di media sosial dilihat menjadi faktor utama sebagai penerus kepada perubahan amalan politik demokrasi di masa hadapan. Ini kerana penglibatan golongan muda secara langsung dapat menerima dan memahami dengan baik elemen capaian maklumat politik itu diperluaskan. Melalui elemen capaian maklumat politik yang sahih dan berintegriti telah memberikan kepercayaan golongan muda terhadap politik negara dan secara tidak langsung mampu mempengaruhi keputusan pengundian mereka. Pengundi khasnya golongan muda dalam negara ketika ini semakin hari semakin meningkat dan ianya menjadi cabaran kepada penyelidik akan datang dan menjadi cabaran utama kepada pemimpin mewakili parti politik yang bertanding dalam memenangi jiwa masyarakat terutama golongan muda untuk turun keluar membuang undi. Dimasa hadapan generasi baharu akan mengambil alih landskap politik negara, dari itu pemimpin ketika ini perlu cakna dan memberikan pengetahuan politik yang baik supaya dimasa hadapan negara akan dapat ditadbir dengan lebih baik.

## **PENGHARGAAN**

Kajian ini ditaja oleh FRGS 2020-1-Pembangunan Model Integriti Penyertaan Politik Golongan Muda Di Media Sosial: Perspektif Literasi Media Dan Kawalan Sosial.

## **RUJUKAN**

- Ahmad Lutfi Othman (2019). Revolusi Tanpa Darah: Keberanian Rakyat Malaysia Tumbangkan Rejim Kleptokrat Umno-Bn Dalam Pru14. Ampang: Penerbit Ahmad Lutfi Othman.
- Al-Kandari, A., & Hasanen, M. (2012). The Impact Of The Internet On Political Attitudes In KuwaitAndEgypt. Telematics And Informatics, 29(3), 245–253.
- Anon. (2016). Malaysia contoh terbaik bagi golongan muda. Retrieved June 4, 2016, from <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/malaysia-contoh-terbaik-bagi-golongan-muda-1.338070>.
- Aminaton Hajariah, H., & Samsu Adabi, M. (2016). The Role of Cyber Trooper in Malaysian Politics 2008 – 2014 (Vol. 2016).
- Bureau of Counterterrorism and Countering Violent. (2016). Country report on terrorism 2015. United States Department of State Publication.

- Bernama. (2015). Parlimen: Lebih 20.1 Juta Pengguna Internet Dalam Negara. Retrieved June 1, 2016, from.  
<http://www.bernama.com/bernama/v3/printable.php?id=1184148>
- Babbie, E. (2013). The Practice of Social Research (13th ed.). Wadsworth, Cengage Learning.
- Dauda, S., Mohamad, B., & Muda, S. (2016). New Perspectives to Political Participation Among Youth: The Impact of Facebook Usage. ISSC 2016: International Soft Science Conference.
- Flynn, D. J., Nyhan, B., & Reifler, J. (2017). The Nature and Origins of Misperceptions: Understanding False and Unsupported Beliefs About Politics. *Political Psychology*, 38, 127–150. <https://doi.org/10.1111/pops.12394>.
- Hamdan, M. H. A. (2015). Peranan media massa memartabatkan integriti nasional. *JurnalKomunikasi Borneo*, 2, 57–74.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2018). Multivariate Data Analysis. Pearson Education Limited.
- Imlan Adabi (2018). Penangan tsunami rakyat untuk BN muhasabah diri. Dewan Masyarakat. Bil. 6. Halaman 8-17.
- Ibrahim, Mohd Iskandar. 2021, 21 Mac 2021. Hanya penyebar fitnah, berita palsu rasatakut. Berita Harian. Diakses dari [https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/03/798542/hanya-penyebar-fitnah-berita-palsu-rasa-takut \(14\) \(PDF\)](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/03/798542/hanya-penyebar-fitnah-berita-palsu-rasa-takut (14) (PDF)) Penularan Berita Palsu di Malaysia. Available from: [https://www.researchgate.net/publication/361367752\\_Penularan\\_Berita\\_Palsu\\_di\\_Malaysia](https://www.researchgate.net/publication/361367752_Penularan_Berita_Palsu_di_Malaysia) [accessed Dec 21 2022].
- Krishnamoorthy, M (2018). May 9 people power saves Malaysia: Mahathir leads the way. Petaling Jaya: Krishnamoorthy Muthali.
- Mohd. Majid Konting. (1999). Kaedah penyelidikan pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norhayati, M. S. (2008). Pilihan Raya Umum Ke-12 (Pru-12): "Tsunami" Politik Melayu? Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies, 35(April), 49-64.
- Noor Mohamad Shakil Hamee. (2018). Tangani berita palsu dalam Berita Harian 29 Mac 2018. Malaysian Journal of Society and Space 16 issue 1 (80-94) © 2020, e- ISSN 2682-7727 <https://doi.org/10.17576/geo-2020-1601-07>.
- Norizah Aripin, Hasrina Mustafa & Adnan Hussein. (2014). Hubungan kedinamikan dalaman dengan keberkesanan pasukan maya: Satu tinjauan di organisasi bertaraf Koridor Raya Multimedia (MSC) yang terpilih. *Malaysian Journal of Communication*, 30, 191–218.
- Pinkleton, B. E., Austin, E. W., Zhou, Y., Willoughby, J. F., & Reiser, M. (2012). Perceptions of newsmedia, external efficacy, and public affairs apathy in political decision making and disaffection. *Journalism and Mass Communication Quarterly*, 89(1), 23–39. <https://doi.org/10.1177/1077699011428586>.
- Pandian, S. (2014). University Students and Voting Behavior In General Elections: Perceptions on Malaysian Political Parties Leadership. *Asian Social Science*, 10(18), 225–231.

- Syed Arabi Idid. (1998). Kaedah penyelidikan komunikasi dan sains sosial. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Schlenker, B. R. (2008). Integrity and Character: Implications of Principled and Expedient Ethical Ideologies. *Journal of Social and Clinical Psychology*, 27(10), 1078–1125.
- Tang, G., & Lee, F. L. F. (2013). Facebook Use And Political Participation: The Impact of Exposure To Shared Political Information, Connections With Public Political Actors, And Network Structural Heterogeneity. *Social Science Computer Review*, 31, 763–773.
- Unicef. (2013). Panduan ibu bapa berbincang tentang internet dengan anak-anak anda. Unicef.Retrievedfromhttp://www.unicef.org/malaysia/Panduan\_-Berbincang\_tentang\_Internet\_dengan\_anak\_anda.PDF.
- Valenzuela, S., Arriagada, A., & Scherman, A. (2012). The social media basis of youth protest behavior: the caseof Chile. *Journal of Communication*, 62(2), 299–314. <http://doi.org/10.1111/j.1460-2466.2012.01635>.
- Yang, H. C., “Chris,” & DeHart, J. L. (2016). Social media use and online political participation among college students during the US election 2012. *Social Media + Society*, 1(1), 1–18.